



SIARAN AKHBAR

MAJLIS DOA SELAMAT SEMPENA ACARA PENYERAHAN SEMAIAN PADI TITIH BAGI PROJEK PENANAMAN PADI TITIH DI KAWASAN KEMAJUAN PERTANIAN WASAN

JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN

*Hari Khamis, 9hb Zulkaedah 1443 bersamaan 9hb Jun 2022
Daerah Brunei dan Muara*

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, telah mengadakan Majlis Doa Selamat Sempena Acara Penyerahan Semaian Padi Titih Bagi Projek Rintis Penanaman Padi Titih di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Wasan, Daerah Brunei dan Muara. Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Acara telah dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Yang Mulia Awang Abdul Najib Syazwan bin Shahrani, Imam Masjid Pehin Khatib Abdullah, Kampong Kulapis. Penyerahan semaian Padi Titih oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan kepada tiga orang peladang Padi dari Koperasi Setia Kawan (KOSEKA) Berhad yang terpilih menyertai Projek Rintis Penanaman Padi Titih iaitu, Yang Mulia Lt. Kol. (B) Haji Jamaludin bin Ghafar; Yang Mulia Pw1 Fsm. (B) Awang Haji Mohamad Zain bin Abdul Ghani Psb dan Yang Mulia S/Sjn (B) Yusrie bin Haji Latip. Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan seterusnya berkesempatan menyaksikan audiovisual mengenai usaha, pencapaian dan perancangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan khususnya dalam pengeluaran benih padi hibrid.

Turut hadir di Majlis tersebut ialah Yang Mulia Dayang Hajah Tutiatty binti Haji Abdul Wahab, Setiausaha Tetap serta Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan; Wakil-Wakil dari Institusi Pengajian Tinggi serta pegawai-pegawai kanan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Majlis juga dihadiri oleh pengusaha-pengusaha padi Koperasi Setia Kawasan (KOSEKA) dan Majlis Perundingan Mukim Pengkalan Batu.

Penanaman padi menggunakan varieti padi berhasil tinggi ialah strategi utama Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam usaha untuk meningkatkan hasil padi sehektar. Beberapa varieti padi telah pun



diperkenalkan sebelum ini seperti varieti Padi Laila yang mempunyai purata hasil pengeluaran 3 tan metrik sehektar semusim pada tahun 2009, kepada varieti Padi BDR5 dan MRQ76 yang mempunyai purata hasil produktiviti 3 hingga 4 tan metrik sehektar semusim pada tahun 2016. Berikutan usaha untuk terus meningkatkan produktiviti padi, pada tahun 2018 varieti padi hibrid Sembada188 daripada PT. Biogene Plantation, Republik Indonesia telah pun dikenal pasti dengan hasil purata produktiviti 5 hingga 6 tan metrik sehektar semusim dengan sistem pengairan. Setakat ini, varieti padi Sembada188 telah pun ditanam di kawasan-kawasan yang mempunyai sistem pengairan seluas 490 hektar.

Padi Titih ialah varieti hibrid hasil projek kerjasama di antara Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dengan Syarikat Sunland Agritech Pte. Ltd. daripada Republik Singapura yang dijangka berupaya mengeluarkan hasil purata produktiviti sebanyak 6 hingga 8 tan metrik sehektar semusim. Bagaimanapun, pengeluaran benih Titih mengambil masa yang panjang kerana melibatkan penggandaan benih induk terlebih dahulu sebelum proses pengacukan tanaman induk dapat dilaksanakan bagi menghasilkan benih Titih yang ditanam bagi menghasilkan beras. Selain itu, Jabatan juga menghadapi cabaran kekurangan tenaga pakar khusus dalam teknologi pembiakan padi hibrid, faktor cuaca yang kurang mengizinkan dan keadaan tanah masam turut menjejaskan pertumbuhan induk padi Titih. Pada tahun 2019, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah melantik Syarikat Bina LNS Sdn. Bhd., iaitu sebuah syarikat swasta tempatan yang mempunyai kepakaran pembiakan baka padi hibrid bagi perkhidmatan penanaman melalui Projek Pengeluaran Biji Benih Titih. Pada tahun 2022, bagi memastikan biji benih padi Titih dapat dibekalkan secara berterusan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan juga telah menawarkan tapak seluas 5 hektar di Kawasan Kemajuan Pertanian Batong kepada Syarikat Bina LNS Sdn. Bhd. bagi projek rintis pengeluaran benih padi hibrid.

Pada masa ini, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan juga giat berusaha untuk mengenalpasti lebih banyak varieti padi berhasil tinggi yang mampu mengeluarkan hasil melebihi 8 tan metrik sehektar semusim dengan melaksanakan projek-projek penyelidikan bersama dengan institusi-institusi penyelidikan serantau dan antarabangsa. Dalam pada itu, projek kerjasama penyelidikan bersama dengan Syarikat Yuan Longping High-Tech Agriculture Co. Ltd. daripada Republik Rakyat China telahpun bermula Oktober 2021 dan memasuki musim yang kedua dimana varieti padi yang berpotensi menghasilkan sekitar 10 tan metrik sehektar semusim sedang dalam penerokaan.



Peningkatan hasil pengeluaran padi tempatan ini adalah selaras dengan Visi dan Misi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang antara lain bagi meningkatkan keluaran industri sumber-sumber utama untuk menjadi penyumbang yang signifikan kepada pertumbuhan dan kepelbagaian Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) melalui peningkatan produktiviti, penggunaan teknologi tinggi bagi memenuhi permintaan domestik dan pasaran eksport. Melalui strategi peningkatan produktiviti padi walaupun tanpa perlu membuka kawasan baru, ianya diharap akan dapat meningkatkan pengeluaran padi Negara, meningkatkan kadar sara diri beras serta menjadikan para pengusaha di Negara ini sebagai peladang yang berjaya dan berpendapatan tinggi.

/TAMAT.

Dikeluarkan oleh:
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
Negara Brunei Darussalam
Tarikh: Khamis, 9 Jun 2022